



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN FAKTOR KEWANGAN KELUARGA TERHADAP TINGKAH LAKU PROSOSIAL AWAL KANAK-KANAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI FITRIYANTI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN FAKTOR KEWANGAN KELUARGA TERHADAP TINGKAH LAKU PROSOSIAL AWAL KANAK-KANAK

SITI FITRIYANTI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada **16** (hari bulan).....**10**.....(bulan) **2023**...

i. Perakuan pelajar :

Saya, **SITI FITRIYANTI, M20201000853, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **HUBUNGAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN FAKTOR KEWANGAN KELUARGA TERHADAP TINGKAH LAKU PROSOSIAL AWAL KANAK-KANAK**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR DR. NORDIN BIN MAMAT** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN GAYA KEIBUBAPAAN DAN FAKTOR KEWANGAN KELUARGA TERHADAP TINGKAH LAKU PROSOSIAL AWAL KANAK-KANAK**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)** (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16/10/2023

Tarikh

PROFESOR DR.NORDIN BIN MAMAT
Pengarah
Pusat Pedagogik, Penyelidikan Dan Inovasi
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Hubungan Gaya Keibubapaan dan Faktor Kewangan Keluarga Terhadap Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak

No. Matrik /Matric's No.: M20201000853

Saya / I : Siti Fitriyanti

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROFESSOR DR NORDIN BIN MAMAT
Pengarah
Pusat Pedagogi, Penyelidikan Dan Inovasi
Fakulti Pembangunan Maritim
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 16/10/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan tepat pada waktunya. Ucapan terima kasih sebesar-besarnya kepada individu-individu berikut yang telah berjasa terlibat secara langsung dan tidak dalam menjalankan kajian ini; Profesor Madya Dr. Nordin bin Mamat-Penyelia disertasi yang telah bersedia membimbang sejak awal hingga akhir, guru-guru dan ibu bapa di TK-TK Kecamatan Pringgarata (Lombok Tengah, Nusa Tenggara Barat, Indonesia) yang terlibat dalam kajian ini, seluruh warga UPSI, terutamanya para pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan Awardee Beasiswa NTB yang penuh semangat saling membantu, dan ucapan terima kasih yang terbesar kepada seluruh keluarga, husunya Bapak dan Inaq atas segala dukungan zahir dan batin. Disertasi ini saya hadiahkan untuk tajaan Beasiswa NTB yang telah banyak menyokong studi saya di bumi Muallim ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan gaya keibubapaan dan faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak di kecamatan Pringgarata, kabupaten Lombok Tengah, NTB Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan (*Survey Method*). Seramai 144 orang ibu bapa daripada empat TK di daerah Pringgarata dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Dapatkan data kajian diperoleh menggunakan tiga jenis instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik ini dibina dengan penelitian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan item-item di dalam instrumen dengan pengawalan ancaman kesahan dalam dan kesahan luaran. Item yang mempunyai ketekalan dan nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi $\alpha > 0.65$ sahaja yang digunakan di dalam kajian sebenar. Data yang dikutip oleh pengkaji melalui ujian normality menggunakan ujian *Kolmogorov Smirnov* bagi melihat kenormalan taburan data. Ujian Statistik SPSS korelasi *Pearson* digunakan untuk melihat hubungan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar dengan standard nilai signifikan ialah $p < 0.05$. Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r = 0.464$; $p = 0.000$) antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak. Manakala gaya keibubapaan autoritatif ($r = 0.070$; $p = 0.407$) dan gaya keibubapaan permisif ($r = -0.109$; $p = 0.194$) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak. Hubungan yang tidak signifikan juga terjadi antara faktor kewangan keluarga ($r = 0.072$; $p = 0.388$) dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK di kecamatan Pringgarata. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa, guru-guru TK dan kementerian pendidikan Indonesia secara luas dalam memberikan gambaran awal tentang hubungan gaya keibubapaan, faktor kewangan keluarga dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak. Selain itu, kajian diharapkan boleh menjadi bahan rujukan dalam membentuk program keibubapaan oleh sesiapa sahaja yang berada dalam dunia pendidikan awal kanak-kanak.





THE RELATIONSHIP BETWEEN PARENTING STYLE AND FAMILY FINANCIAL FACTORS TOWARDS THE EARLY CHILDHOOD PROSOCIAL BEHAVIOR

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between parenting style and family financial factors towards early childhood prosocial behavior in Pringgarata, Central Lombok district, West Nusa Tenggara Province, Indonesia. This study used a survey method. A total of 144 parents from four kindergartens in Pringgarata were selected as a study sample by using a simple random sampling method. The study data were obtained using three types of research question instruments. The instruments were developed by testing the validity and reliability of the items in the instruments with the threat control of internal validity and external validity. The items that have the technicality and value of *Cronbach Alpha* that exceeds $\alpha > 0.65$ are only those used in the actual study. The data cited by the researcher through the normality test used the *Kolmogorov Smirnov* test to see the data normality. The *Pearson* correlation SPSS Statistical Test was used to see the relationship between independent variables and dependent variable with a significant level is $p < 0.05$. The results showed that there was a significant relationship ($r = 0.464$; $p = 0.000$) between authoritative parenting style and early childhood prosocial behavior. Whereas the authoritarian parenting style ($r = 0.070$; $p = 0.407$) and the permissive parenting style ($r = -0.109$; $p = 0.194$) had no significant relationship with early childhood prosocial behavior. An insignificant relationship was also found between family financial factors ($r = 0.072$; $p = 0.388$) and the prosocial behavior of early kindergarten-aged children in Pringgarata district. The implication of this study is expected to help parents, kindergarten teachers, and the Indonesian ministry of education broadly in providing an initial picture of the relationship between parenting style and family financial factors towards early childhood prosocial behavior. In addition, the current study is expected to be a reference material in conducting parenting classes by anyone who is in the world of early childhood education.





SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xxv
DAFTAR SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Hipotesis	10
1.7 Kerangka Konsep	11
1.8 Definisi Operasional	12
1.8.1 Gaya Keibubapaan	12
1.8.2 Faktor Kewangan	13





1.8.3 Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	14
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.9.1 Bagi Ibu Bapa	15
1.9.2 Bagi Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak	15
1.9.3 Bagi Kerajaan	16
1.10 Batasan Kajian	16
1.11 Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	18
2.2 Gaya Keibubapaan	19
2.2.1 Gaya Keibubapaan Autoritatif	19
2.2.2 Gaya Keibubapaan Autoritarian	20
2.2.3 Gaya Keibubapaan Permisif	21
2.2.4 Gaya Keibubapaan Pengabaian	23
2.2.5 Tinjauan Kajian Lepas Gaya Keibubapaan	24
2.3 Faktor Kewangan Keluarga	29
2.3.1 Pendapatan Keluarga	29
2.3.2 Persekutaran Keluarga	30
2.3.3 Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	31
2.3.4 Tinjauan Kajian Lepas Status Sosioekonomi Keluarga	33
2.4 Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	38
2.4.1 Tinjauan Kajian Lepas Tingkah Laku Prososial	41
2.5 Teori-Teori Untuk Tingkah Laku Prososial	46
2.5.1 Teori Sosial Kognitif Bandura (1986, 1997)	46
2.5.2 Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)	47



**BAB 3 METODOLOGI**

3.1 Pendahuluan	52
3.2 Reka Bentuk Kajian	53
3.3 Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian	54
3.3.1 Populasi Kajian	54
3.3.2 Sampel Kajian	55
3.3.3 Lokasi Kajian	56
3.4 Instrumen Kajian	58
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	62
3.5.1 Kesahan	63
3.5.2 Kebolehpercayaan	64
3.6 Kajian Rintis	65
3.7 Prosedur Kajian	68
3.8 Analisis Data	70
3.9 Rumusan	73

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	75
4.2 Latar Belakang Responden (Demografi)	76
4.2.1 Latar Belakang Jantina Responden	76
4.2.2 Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	77
4.2.3 Latar Belakang Pekerjaan Ibu Bapa	78
4.2.4 Latar Belakang Usia Kanak_kanak	80





4.2.5	Latar Belakang Jantina Kanak-Kanak	81
4.2.6	Latar Belakang Bilangan Kanak-Kanak Dalam Keluarga	82
4.3	Analisis Data Persoalan Kajian Deskriptif	83
4.3.1	Analisis Bentuk Gaya Keibubapaan Ibu Bapa di Sekitaran Kecamatan Pringgarata	84
4.3.2	Analisis Faktor Kewangan Keluarga di Sekitaran Kecamatan Pringgarata	93
4.3.3	Analisis Bentuk Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak di Kecamatan Pringgarata	96
4.4	Analisis Data Persoalan Kajian Inferensi	99
4.4.1	Analisis Normaliti Data	100
4.4.2	Analisis Hubungan Gaya Keibubapaan dengan Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	101
4.4.3	Analisis Pengaruh Faktor Kewangan Keluarga Terhadap Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	105
4.5	Rumusan	107



BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	109
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	110
5.2.1	Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Awal Kanak-Kanak Usia TK di Kecamatan Pringgarata	110
5.2.2	Faktor Kewangan Keluarga Awal Kanak-Kanak Usia TK di Kecamatan Pringgarata	113
5.2.3	Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak Usia TK di Kecamatan Pringgarata	114
5.2.4	Hubungan Gaya Keibubaapan Dengan Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak Usia TK di Kecamatan Pringgarata	116
5.2.5	Pengaruh Faktor Kewangan Keluarga Terhadap Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak Usia TK di Kecamatan Pringgarata	123





5.3 Implikasi Kajian	124
5.3.1 Implikasi Kajian Terhadap Teori Kajian	125
5.3.2 Implikasi Kajian Terhadap Masyarakat	127
5.3.3 Implikasi Kajian Terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak	129
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	130
5.5 Kesimpulan	132
RUJUKAN	134
LAMPIRAN	141





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai TK Yang Dipilih Mukim Di Kecamatan Pringgarata	58
3.2	Instrumen Kajian	61
3.3	Pemarkahan Skor Min Tahap Gaya Keibubapaan, Kewangan Keluarga, dan Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	62
3.4	Tahap Kebolehpercayaan Skor Alpha Cronbach	66
3.5	Hasil Nilai Alpha Cronbach Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	67
3.6	Penganalisaan Data Deskriptif dan Inferensi	71
3.7	Tahap Kekuatan Hubungan Berdasarkan Guilford's Rule of Thumb	73
4.1	Taburan Data Sampel Mengikuti Jantina	77
4.2	Taburan Data Sampel Mengikuti Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	78
4.3	Taburan Data Sampel Mengikuti Latar Belakang Pekerjaan Ibu Bapa	79
4.4	Taburan Data Sampel Mengikuti Latar Belakang Usia Kanak-Kanak	80
4.5	Taburan Data Sampel Mengikuti Jantina Kanak-Kanak	81
4.6	Taburan Data sampel Mengikuti Latar Belakang Bilangan Kanak-Kanak Dalam Keluarga	82
4.7	Taburan Kekerapan, Peratus, Min, Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Autoritatif	85





4.8	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikuti Tahap Gaya Keibubapaan	87
4.9	Taburan Kekerapan, Peratus, Min, Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Autoritarian	88
4.10	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikuti Tahap Gaya Keibubapaan Autoritarian	90
4.11	Taburan Kekerapan, Peratus, Min, Sisihan Piawai Responden Bagi Gaya Keibubapaan Permisif	91
4.12	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikuti Tahap Gaya Keibubapaan Permisif	92
4.13	Taburan Min dan Sisihan Piawai Pengamalan Gaya Keibubapaan Ibu Bapa di Kecamatan Pringgarata	93
4.14	Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Faktor Kewangan Keluarga	94
4.15	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikuti Tahap Kewangan Keluarga	95
4.16	Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	96
4.17	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikuti Tahap Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak	99
4.18	Uji Normaliti Kolmogorov Smirnov	100
4.19	Data Analisis Uji Statistik Korelasi Pearson (Gaya Keibubapaan Autoritatif dengan Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak)	102
4.20	Data Analisis Uji Statistik Korelasi Pearson (Gaya Keibubapaan Autoritatif dengan Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak)	103
4.21	Data Analisis Uji Statistik Korelasi Pearson (Gaya Keibubapaan Permisif dengan Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak)	104





4.22	Data Analisis Uji Statistik Korelasi Pearson (Faktor Kewangan Keluarga dengan Tingkah Laku Prosozial Awal Kanak-Kanak)	106
4.23	Penerimaan Hipotesis Kajian	107





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep	11
2.1 Model Bioekologi Pembangunan Manusia Bronfrenbrenner	48
3.1 Peta Daerah Kecamatan Pringgarata (Dokumen Statistik dan Spasial Kecamatan Pringgarata 2019)	57
3.2 Prosedur Kajian	70





DAFTAR SINGKATAN

PAKK	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
PAUD	Pendidikan Anak Usia Dini
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
TK	Taman Kanak-Kanak
TKI	Tenaga Kerja Indonesia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Bab satu ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, dan kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian, kepentingan kajian, dan rumusan. Semua perkara ini akan memberi tumpuan kepada membincangkan gaya keibubapaan, faktor kewangan keluarga dan tingkah laku prososial kanak-kanak.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Kehidupan sosial akan sentiasa dikaitkan dengan tingkah laku sosial kita terhadap orang lain. Tingkah laku baik atau positif terhadap orang lain akan menyokong fungsi manusia sebagai mahluk sosial. Tingkah laku prososial ditakrifkan sebagai sesuatu yang bermaksud memberi kesan baik kepada orang lain (individu) atau kumpulan secara sukarela tanpa paksaan (Eisenberg & Mussen, 1997). Dengan itu prososial adalah tingkah laku sosial yang positif yang bertujuan untuk memberi bantuan kepada orang lain secara sukarela, seperti berkongsi, menyediakan bantuan fizikal atau mental, menghormati, dan berempati (Taylor, 2020). Maka daripada hal tersebut, tingkah laku prososial boleh membina hubungan yang baik antara manusia.



kanak-kanak secara semulajadi mempunyai sifat prososial, hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat dari keupayaan kanak-kanak yang berusia 18 bulan dalam bertingkah laku prososial. Brownell, Svetlova dan Nicholas (2009) menyatakan dalam kajiannya bahawa sekitar usia tersebut kanak-kanak sudah boleh menunjukkan sikap untuk terlibat dalam menghiburkan seseorang yang kelihatan murung, sedih atau tertekan dalam bentuk perkongsian dan sikap membantu (Williams & Berthelsen, 2017). Tetapi jika persekitaran tidak menyokong ciri-ciri semulajadi ini, kanak-kanak boleh membesar menjadi kanak-kanak anti-sosial. Oleh kerana itu, pada tahun-tahun awal perkembangan kanak-kanak adalah meruapakan tugas yang penting untuk mengembangkan tingkah laku prososial mereka, kerana hal ini boleh meramalkan pencapaian di masa depan. Maka dengan itu, sokongan daripada persekitaran, terutamanya keluarga, sangat diperlukan.





Dalam melaksanakan peranan mereka sebagai ibu bapa, terdapat pelbagai faktor yang memberi kesan kepada ibu bapa dalam berinteraksi dan mendidik kanak-kanak mereka. Salah satunya ialah *Parenting Style* atau gaya keibubapaan. Menurut Baumrind (1966, 1967, 1978, 1991) dalam penyelidikan Rose, Roman, Mwaba dan Ismail (2018) terdapat empat gaya keibubapaan iaitu *authoritative* (demokratis), *authoritarian* (otoriter), *permissive* (longgar) dan *neglectful* (lalai). Setiap gaya ini mempunyai perbezaan asas dalam menyediakan pengasuhan kepada kanak-kanak. Perbezaan ini menyebabkan perbezaan cara ibu bapa berinteraksi dengan kanak-kanak dan juga memberikan kesan yang berbeza, baik secara internal maupun tingkah laku eksternal kanak-kanak.

Selain gaya keibubapaan, faktor kewangan keluarga juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi sikap atau tindakan, utamanya bagi keluarga yang mempunyai tekanan ekonomi rendah. Dalam kajian Shinyoung (2017), kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa tekanan ekonomi memberi kesan negatif kepada diri seseorang yang boleh melemahkan ciri-ciri positif seperti keyakinan diri, kepuasan hidup, kawalan kendiri dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah. Dalam erti kata lain, apabila seseorang mengalami tekanan ekonomi, terdapat juga kemelut dari dalam dirinya yang dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang. Dalam kes ini ibu bapa kepada kanak-kanak.

Berdasarkan semua perkara di atas, pengkaji berminat untuk mengkaji tingkah laku prososial awal kanak-kanak dan gaya keibubapaan dengan faktor kewangan keluarga pada empat Taman Kanak-Kanak (TK) di kecamatan (daerah) Pringgarata, Lombok Tengah, Nusa Tenggara Barat, Indonesia.





Mengapa pengkaji ingin mengkaji ini? Berikut adalah beberapa sebab:

1. Berdasarkan pemerhatian awal, empat TK yang akan menjadi subjek kajian ini berada pada desa-desa yang berpotensi sebagai desa maju di kecamatan Pringgarata. Potensi ini dapat dilihat daripada pencapaian yang dicapai oleh beberapa desa di peringkat daerah mahupun kebangsaan.
2. Masyarakat tradisional dan tingkah laku positif budaya gotong royong seperti saling membantu, empati, dan saling berbagi di kalangan penduduk di kecamatan Pringgarata masih kuat, walaupun bagi sesetengah perkara individualisme mula dilihat.
3. Gaya keibubapaan di desa-desa dalam lingkungan kecamatan Pringgarata masih kelihatan lebih tradisional, iaitu corak keibubapaan yang dipengaruhi oleh gaya keibubapaan ibu bapa terdahulu.
4. Keempat TK tersebut merupakan institusi pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai lebih ramai pelajar berbanding TK lain di Kawasan tersebut. Dengan demikian, hal tersebut boleh mengindikasikan bahawa keempat TK itu memiliki kelebihan dan kriteria yang sesuai untuk dikaji. Pengkaji berharap menemukan pengaruh yang signifikan antara gaya keibubapaan ibu bapa dan faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK.
5. Setakat pengetahuan pengkaji, tiada seseorang yang pernah mengkajian tingkah laku prososial awal kanak-kanak, gaya keibubapaan dan faktor kewangan keluarga di desa, kecamatan Pringgarata ini.





1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kurikulum pendidikan kebangsaan Republik Indonesia, pendidikan karakter telah menjadi bahagian daripada kurikulum yang dikawal selia dalam Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 20 Tahun 2003. Matlamat daripada pendidikan karakter tersebut adalah untuk membina watak pelajar supaya terbentuk peribadi yang dapat bermanfaat bagi dirinya dan orang lain. Melihat daripada matlamat ini, membentuk kanak-kanak yang prososial juga merupakan bahagian dari pendidikan karakter tersebut.

Meskipun begitu didapati pendidikan karakter masih tidak dicapai secara optimum, ini dicirikan oleh bilangan kes dalam kanak-kanak usia Sekolah Dasar (SD) yang tidak mencerminkan watak yang baik, seperti mencuri (Faiz, Soleh, Kurniawaty, & Purwati 2021). Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan kajian untuk mengetahui faktor-faktor yang boleh mengoptimumkan pendidikan karakter dalam konteks tingkah laku prososial awal kanak-kanak.

Selanjutnya masalah gaya keibubapaan yang tidak sesuai boleh mencetuskan gangguan pada kanak-kanak baik secara fizikal dan mental. Kajian daripada Sarifudin, Hastuti, dan Simanjuntak (2020) didapati bahawa gaya keibubapaan otoriter dan permisif ibu dan tingkat stress ibu mempengaruhi gangguan emosi dan tingkah laku kanak-kanak di SD 5 Pengadilan Bogor Tengah. Kajian ini menunjukkan bahawa gangguan emosi dan tingkah laku kanak-kanak berasal dari bagaimana ibu bapa memberikan perlakuan kepada kanak-kanak dalam memberikan hukuman fizikal atau memanjakan kanak-kanak yang berlebihan.





Berkaitan hubungan gaya keibubapaan dengan tingkah laku prososial kanak-kanak, kajian dari Nabang, Prastyawati, Aji dan Soraya (2021) menjelaskan bahawa gaya keibubapaan menyumbang kepada tingkah laku prososial pelajar SD. Pelajar yang menerima gaya keibubapaan autoritarian dan permisif mempunyai tingkah laku prososial yang negatif, manakala pelajar yang menerima gaya keibubapaan autoritatif akan mempunyai tingkah laku prososial yang baik.

Oleh itu, kajian yang sama perlu dijalankan dalam konteks yang berbeza untuk mengetahui bentuk gaya keibubapaan yang lebih banyak digunakan masyarakat desa dengan latar belakang adat budaya tradisional yang tinggi, dan juga menjawab persoalan hubungan gaya keibubapaan dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak.



Dalam kajian Sarifudin et al. (2020) juga menyebutkan bahawa tahap stress ibu juga merupakan aspek lain yang mempengaruhi gangguan emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Selain ibu, stress juga boleh dialami oleh bapa. Ini berlaku kerana banyak faktor, salah satunya faktor kewangan. Keluarga yang terganggu dari segi kewangan dan menyebabkan tekanan keluarga, secara tidak langsung boleh mempengaruhi emosional dan tingkah laku kanak-kanak melalui tekanan psikologi ibu bapa dan gangguan keibubapaan yang digunakan kepada kanak-kanak mereka (Linlin, Andrea, Lishou, Li, & Wen, 2020).

Di Indonesia sendiri, isu kewangan juga menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi fungsi keluarga. Menurut kajian Herawati, Krisnatuti, Pujihasvuty, dan Latifa (2020) menyatakan bahawa fungsi ekonomi mempunyai hubungan yang paling





rapat dengan fungsi lainnya di dalam keluarga, sehingga ketidakfungsian keluarga merupakan akibat daripada masalah kewangan yang tidak dipenuhi.

Sehubungan dengan perkembangan tingkah laku prososial kanak-kanak, masalah kewangan juga merupakan faktor yang boleh menghalang perkembangan tersebut. Ini kerana ibu bapa yang mempunyai masalah kewangan cenderung mempunyai gaya keibubapaan yang autoritarian, mengalami kemurungan dan mempunyai konflik keluarga yang secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan kanak-kanak (Faiz et al., 2021). Tekanan psikologi ibu bapa dan gangguan keibubapaan inilah yang akan dihadapi kanak-kanak di rumah. Jika perkara tersebut tidak dapat dikawal dan diperbetulkan, hal ini boleh mempengaruhi emosi dan tingkah laku kanak-kanak, kerana interaksi terdekat kanak-kanak adalah ibu bapa atau persekitaran



Menurut Mistry, Vandewater, Huston, dan McLoyd (2002) dalam kajian Konz (2017) bagi keluarga yang berpendapatan rendah, hubungan yang baik antara orang dewasa dan kanak-kanak dianggap sangat penting untuk menurunkan risiko kesan negatif kemiskinan terhadap kanak-kanak. Oleh itu, gaya keibubapaan perlu terus menjadi perhatian bagi ibu bapa untuk membina interaksi yang baik dengan kanak-kanak supaya mereka juga dapat membina perkara-perkara positif dari dalamnya yang kemudiannya dapat diwujudkan dalam tingkah laku prososial.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1.1.1 Mengenal pasti gaya keibubapaan ibu bapa awal kanak-kanak

 1.5.3.1 Autoritatif

 1.5.3.2 Autoritarian

 1.5.3.3 Permisif

1.1.2 Mengenal pasti faktor kewangan keluarga awal kanak-kanak

 1.1.2.1 Pendapatan keluarga awal kanak-kanak

 1.1.2.2 Keadaan persekitaran keluarga, ketersedian fasiliti di rumah

 1.1.2.3 Latar belakang pendidikan ibu bapa

1.1.3 Mengenal pasti bentuk tingkah laku prososial awal kanak-kanak

1.1.4 Mengkaji hubungan di antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak

 1.1.4.1 Hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak.

 1.1.4.2 Hubungan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak.

 1.1.4.3 Hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak.

1.1.5 Mengkaji pengaruh faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak





1.5 Soalan Kajian

Bentuk soalan kajian daripada kajian ini adalah seperti berikut:

1.1.6 Apakah bentuk gaya keibubapaan ibu bapa awal kanak-kanak?

1.1.6.1 Apakah bentuk gaya keibubapaan autoritatif ibu bapa awal kanak-kanak?

1.1.6.2 Apakah bentuk gaya keibubapaan authoritarian ibu bapa awal kanak-kanak?

1.1.6.3 Apakah bentuk gaya keibubapaan permisif ibu bapa awal kanak-kanak?

1.1.7 Apakah faktor kewangan keluarga awal kanak-kanak?

1.1.7.1 Apakah pendapatan keluarga awal kanak-kanak?

1.1.7.2 Apakah keadaan persekitaran keluarga, ketersediaan fasiliti di rumah?

1.1.7.3 Apakah latar belakang pendidikan ibu bapa?

1.1.8 Apakah bentuk tingkah laku prososial awal kanak-kanak?

1.1.9 Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak?

1.1.9.1 Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak?

1.1.9.2 Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak?

1.1.9.3 Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak?

1.1.10 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan antara faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak?



1.6 Hipotesis

Berdasarkan soalan kajian yang telah dinyatakan di atas, berikut adalah formulasi hipotesis yang dibentangkan sebagai jawapan sementara kepada kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji:

Ho.1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK di kecamatan Pringgarata.

- 1) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK di kecamatan Pringgarata.
- 2) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK di kecamatan Pringgarata.
- 3) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK di kecamatan Pringgarata.

Ho.2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak usia TK di kecamatan Pringgarata.

1.7 Kerangka Konsep

Kajian ini bertujuan untuk mencari tahu hubungan antara gaya keibubapaan dan faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak di kecamatan (daerah) Pringgarata. Oleh itu, kajian ini terdiri daripada dua pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Untuk menjelaskan kembali pemboleh ubah daripada kajian ini, berikut dibentangkan rangka konsep dalam bentuk carta.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep

Dalam carta ini, dapat dilihat bahawa secara umum pemboleh ubah bebas kajian ini adalah gaya keibubapaan dan faktor kewangan keluarga. Dalam gaya keibubapaan ini, penulis ingin mengkaji gaya keibubapaan autoritatif, authoritarian, dan permisif. Pada setiap gaya keibubapaan ini, aspek kawalan dan komunikasi ibu bapa adalah perkara yang membezakan satu gaya keibubapaan antara satu sama lain. Sedangkan untuk faktor kewangan keluarga, pengkaji hendak melihat latar belakang keadaan ekonomi keluarga yang boleh dipengaruhi oleh pendapatan (gaji), persekitaran dan latar belakang pendidikan keluarga, bagaimana faktor kewangan ini boleh mempengaruhi tingkah laku prososial kanak-kanak melalui hubungannya dengan gaya keibubapaan ibu bapa di rumah.



Untuk pemboleh ubah bersandar kajian ini hanya mempunyai satu pemboleh ubah iaitu tingkah laku prososial pada awal kanak-kanak. Untuk memahami tingkah laku prososial awal kanak-kanak, teori Sosial Kognitif daripada Bandura (1997) dan teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) digunakan pada kajian ini untuk memberikan gambaran awal mengenai pengaruh persekitaran keluarga (gaya keibubapaan dan faktor kewangan keluarga) terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak. Di mana kanak-kanak itu akan mempelajari perkara-perkara daripada ibu bapa mereka, sehingga dia bertingkah laku mengikut apa yang dipelajarinya semasa berinteraksi dengan ibu bapanya.

Maka dengan itu, merujuk daripada kerangka konsep, tajuk kajian ini adalah:

Hubungan Gaya Keibubapaan dan Faktor Kewangan Keluarga Terhadap

Tingkah Laku Prososial Awal Kanak-Kanak di kecamatan Pringarata, Lombok

Tengah, Nusa Tenggara Barat, Indonesia.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Gaya Keibubapaan

Menurut Baunmrind (1966) gaya keibubapaan adalah sikap dan strategi yang digunakan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku dan sikap kanak-kanak



(Taylor, 2020, p.3). Dalam kajian ini, ada 3 gaya keibubapaan yang menjadi fokus utama untuk dikaji, iaitu:

- Autoritatif, iaitu gaya keibubapaan yang memiliki komunikasi dua hala antara ibu bapa dan kanak. Gaya keibubapaan ini mempunyai tahap kehangatan dan kawalan yang tinggi.
- Autoritarian adalah gaya keibubapaan otoriter yang mengekang kanak-kanak. Ibu bapa mengawal tindakan kanak-kanak itu. Dalam gaya keibubapaan ini, kehangatan ibu bapa adalah rendah tetapi kawalannya tinggi.
- Permisif adalah gaya keibubapaan yang dicirikan oleh kehangatan tinggi tetapi kawalan rendah. Ibu bapa lebih cenderung untuk membebaskan kanak-kanak untuk melakukan apa yang mereka mahu.



05-4506832



Ketiga-tiga gaya keibubapaan ini menjadi perhatian pengkaji dalam kajian ini untuk mengetahui gaya keibubapaan yang ada pada ibu bapa dalam memberi pengasuhan kepada awal kanak-kanak mereka.



ptbupsi

1.8.2 Faktor Kewangan

Faktor Kewangan adalah latar belakang ekonomi atau keadaan kewangan seseorang. Keadaan kewangan iaitu aktiviti individu dalam mennguruskan keperluan keluraga, ia juga dikenali dengan status ekonomi, iaitu kedudukan individu atau keluarga dalam persekitaran masyarakat berdasarkan pendapatan atau penghasilan bulanan individu atau keluarga tersebut (Farid & Fitria, 2019).



Dalam kajian ini, faktor kewangan keluarga dari aspek pendapatan, persekitaran dan latar belakang pendidikan ibu bapa adalah fokus utama kajian ini. Pendapatan keluarga adalah faktor kewangan pertama yang akan menjadi perhatian pengkaji. Bagaimanakah atau apakah julat penghasilan keluarga dalam satu bulan. Kemudian persekitaran keluarga, biaya hidup, ketersedian sarana dan prasarana (kemudahan) di rumah. Kerana faktor kewangan keluarga juga berkaitan dengan kesejahteraan material, iaitu keupayaan keluarga untuk mengakses atau memiliki barang dan jasa. Selanjutnya latar belakang pendidikan keluarga juga menjadi perhatian pengkaji dalam faktor kewangan keluarga. Bagaimana latar belakang pendidikan keluarga menyokong keluarga dalam meningkatkan kewangan keluarga.



Tingkah laku prososial adalah sikap dan tindakan positif kepada orang lain yang bersifat sukarelawan untuk memberi manfaat kepada orang lain yang diberi bantuan, sama ada fizikal atau emosi (Williams & Berthelsen, 2017).

Oleh itu, apa yang dikaji semula dalam kajian ini ialah tingkah laku prososial awal kanak-kanak, iaitu tingkah laku positif seperti berbagi (berkongsi), membantu, menampakkan tingkah laku empati (menghibur atau memberikan keselesaan kepada orang lain) oleh kanak-kanak usia TK (4-6 tahun).





1.9 Kepentingan Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji menjelaskan kepentingan kajian ini untuk ibu bapa, institusi pendidikan awal kanak-kanak (TK), dan juga kerajaan.

1.9.1 Bagi Ibu Bapa

Kajian ini dijangka akan menjadi gambaran bagi ibu bapa tentang bagaimana gaya keibubapaan diamalkan pada masa ini, untuk memberi pengetahuan kepada mereka dalam mengperisiankan keibubapaan yang berkualiti untuk kanak-kanak mereka.



1.9.2 Bagi Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Selain ibu bapa, kajian ini juga diharap dapat menjadi pengetahuan untuk diterapkan di sekolah atau insitusi pendidikan awal kanak-kanak, baik untuk menunjukkan gaya keibubapaan terbaik untuk pelajar dan sebagai bahan pengajaran untuk ibu bapa. Di samping itu, kajian ini dijangka menjadi bahan rujukan untuk mempertimbangkan semua keputusan yang berkaitan dengan ekonomi keluarga pelajarnya.



1.9.3 Bagi Kerajaan

Kajian ini dijangka menjadi bahan rujukan pemerintah atau kerajaan, khususnya pemerintah desa dan kecamatan dalam memberikan kebijakan atau program yang dapat meningkatkan kualiti kewangan masyarakat dan gaya keibubapaan ibu bapa untuk awal kanak-kanak.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terhad pada aspek gaya keibubapaan, faktor kewangan keluarga dan tingkah laku prososial awal kanak-kanak yang bertujuan untuk mengetahui hubungan antara aspek kajian di empat TK yang ada di kecamatan Pringgarata, Lombok Tengah.

Berdasarkan perkara tersebut, sampel kajian ini hanya melibatkan ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak berumur 4-6 tahun yang sekolah di empat TK di kecamatan Pringgarata.

Dengan menggunakan 174 sampel (30 sampel untuk kajian rintis dan 144 sampel untuk kajian sebenar) daripada ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak usia TK (4-6 tahun), kajian ini menggunakan kaedah *Simple Random Sampling* (persampelan rawak mudah) sebagai teknik pengambilan sempel. Kaedah ini dipakai kerana dirasa lebih sesuai digunakan oleh pengkaji yang memiliki data lengkap tentang kumpulan populasi yang homogen dengan jumlah yang tidak terlampaui banyak (Priyono, 2008).



1.11 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan semua yang berkaitan dengan pengenalan kajian, dari latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis, rangka konsep, definisi operasional, kepentingan kajian, sampai pada batasan kajian. Kajian ini dijangka dapat mengetahui hubungan dan pengaruh gaya keibubapaan dan faktor kewangan keluarga terhadap tingkah laku prososial awal kanak-kanak, menyediakan perubahan untuk meningkatkan kualiti pendidikan keluarga dan meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam menyediakan keibubapaan yang berkualiti kepada kanak-kanak di mana-mana sahaja. Dalam bab seterusnya, pengkaji membincangkan tinjauan literatur.

